

Roboh kandang atas rizab jalan

DBKL laksana operasi bersepadu di Taman Golden Jalan Ipoh

Oleh Azhar Shahrulnizam
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kandang ternakan ayam, itik dan kambing yang dibina secara haram di atas rizab jalan awam dirobohkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

(DBKL) dalam operasi bersepadu, di Taman Golden Jalan Ipoh, di sini, kelmarin.

DBKL dalam hantarannya di media sosial, berkata semua sisa struktur dirobohkan dilupuskan selepas tamat operasi dijalankan dan haiwan ternakan dipindahkan ke Unit Vektor Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS) DBKL bagi tujuan rekod serta dokumentasi selanjutnya.

“Tindakan roboh dilakukan di atas kesalahan membina struktur tambahan hingga menutup longkang awam, jalan dan laluan awam mengikut Seksyen 46, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974,

katanya dalam hantaran itu.

Teruskan pemantauan

Operasi berkenaan turut disertai Polis Diraja Malaysia (PDRM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dan Alam Flora Sdn Bhd.

DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan yang dikenal pasti. Sebarang aduan, boleh berhubung atau menyalurkan maklumat di <https://adukl.dbkl.gov.my/>.



Kakitangan DBKL melakukan operasi merobohkan kandang ternakan di Taman Golden Jalan Ipoh, Kuala Lumpur, kelmarin. (Foto FB DBKL)